

31/01/2003

Ketepikan sentimen kepartian dalam memerangi dadah

Azlinda Mohd Rashad

SEJAK berpuluh tahun lalu masalah dadah tidak pernah selesai. Penagihan di kalangan generasi muda tidak pernah lekang manakala sindiket pengedarannya tidak pula lapuk dek zaman.

Begitu juga dengan gejala sosial. Keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat semakin serius seiring dengan peredaran zaman. Kemajuan dan arus pemodenan disertai dengan kemerosotan nilai hidup yang murni.

Justeru, hasrat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, baru-baru ini, yang mengisytiharkan 2003 sebagai Tahun Memerangi Dadah habis-habisan perlu disahut secara bersepadu oleh semua pihak.

Yang nyata, iltizam dan komitmen kerajaan bagi membanteras penyalahgunaan dadah adalah satu usaha selari bagi membendung gejala sosial yang juga menjadi kebimbangan pemimpin kerajaan.

Kini, menjadi tanggungjawab semua pihak sama ada wakil rakyat, pegawai kerajaan, pemimpin masyarakat, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan

(NGO) melaksanakan usaha bersepadu membasmi musuh nombor satu negara.

Ketepikan sentimen kepartian, pisahkan ego idealisme dan lontarkan fahaman kumpulan kerana yang penting ialah mencari jalan berganding bahu supaya usaha memerangi dadah dan mencegah gejala sosial menjadi agenda utama negara.

Puteri percaya, isu besar seperti penyalahgunaan dadah jika dapat ditangani dengan berkesan mampu menjernihkan tahap sosial masyarakat, sekali gus memupuk nilai hidup yang lebih harmoni.

Ini kerana penagihan dadah menyumbang kepada isu sosial lain, terutama HIV/Aids yang membunuh penghidapnya, jenayah, keruntuhan institusi keluarga dan kelemahan struktur masyarakat.

Jika kita menghayati amanat Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada setiap Perhimpunan Agung Umno, beliau tidak pernah lupa mengingatkan orang Melayu mengenai dua masalah sosial itu.

Dalam teks 'Melayu Mudah Lupa' dan di bawah tajuk kecil 'Melayu Sudah Lupa Perjuangan', Perdana Menteri berkata: "...bahawa mereka masih lemah dalam semua bidang, lemah dari segi ekonomi, tidak berilmu, kurang cerdik, mudah disogok, menjadi penagih dadah, menghidap penyakit Aids dan lain-lain..."

Keprihatinan dan kebimbangan Dr Mahathir mengenai apa yang melanda masyarakat hari ini adalah sesuatu yang perlu ditangani secara bersepadu oleh semua pihak.

Gejala penagihan dadah ialah ancaman yang bakal memusnahkan generasi muda negara ini. Justeru, adalah amat tepat pada masanya jika usaha membanteras dadah diberi dimensi, perspektif, kaedah dan tindakan baru.

Hingga kini, lebih 40,000 orang dijangkiti sudah dijangkiti HIV termasuk

isteri dan anak, selain penagih itu sendiri. Golongan malang ini hanya mampu bertahan untuk tempoh beberapa tahun sebelum maut dalam keadaan memilukan.

Persoalannya, adakah masyarakat kita insaf gejala ini meragut berpuluh ribu nyawa? Apakah perancangan kita untuk menangani beribu-ribu kes HIV/Aids, penagihan dadah dan gejala sosial yang semakin meningkat saban tahun?

Malah, apakah usaha kita mencapai matlamatnya apabila sebahagian besar daripada 12,000 pelatih di 27 Pusat Serenti adalah orang Melayu? Apakah kita semua tidak sensitif dengan perkembangan ini atau sengaja memejamkan mata kerana tidak berlaku di kalangan ahli keluarga sendiri?

Lebih menyedihkan apabila kita mengetahui bahawa lebih 70 peratus bekas penagih yang keluar dari pusat pemulihan didapati kembali ke tabiat lama mereka.

Sehubungan itu, adalah wajar bagi kerajaan mengkaji semula program pemulihan dadah yang diamalkan sejak 20 tahun lalu. Ini penting bagi meningkatkan keberkesanannya dalam menangani masalah dadah di negara ini.

Di sinilah peranan semua pihak diperlukan. Program pemulihan dadah perlu menerima suntikan baru dan menggunakan pendekatan lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah sosial di negara ini.

Bekas pelatih Pusat Serenti perlu diberi bimbingan berterusan sebaik menamatkan program pemulihan. Mereka tidak seharusnya dibiarkan terus masuk ke dalam masyarakat tanpa diberi sokongan.

Masyarakat umum pula perlu membantu golongan ini membina jati diri baru dan mengikis pandangan negatif bahawa bekas penagih dadah perlu disisihkan.

Kita tidak mahu masyarakat terus melabel bekas penagih dengan pelbagai label buruk seperti orang jahat dan tidak boleh didekati. Malah, ibu bapa dan anggota keluarga perlu memberi sokongan padu kepada bekas penagih yang sudah insaf dan ingin kembali menjalani kehidupan normal.

Ingatlah proses pemulihan adalah satu usaha berterusan dan memerlukan jangka masa panjang untuk memastikan keberkesanannya

Usaha gigih dan komitmen berterusan daripada segenap lapisan masyarakat diperlukan kerana membebaskan rakyat Malaysia daripada belunggu dadah adalah tanggungjawab bersama demi mempertahankan kelangsungan bangsa, agama dan negara.

Sesungguhnya, membebaskan generasi muda Malaysia daripada dadah wajar menjadi agenda utama kerajaan dan disokong oleh agensi penguat kuasa lain.

Tanggungjawab Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Rukun Tetangga, majikan, polis, Pemadam dan badan bukan kerajaan (NGO) berkaitan perlu dikaji semula untuk dipertingkatkan.

Memandangkan lebih separuh kes jenayah dan gejala sosial di negara ini ada kaitan dengan dadah, ia sebenarnya satu ancaman besar kepada struktur dan pembentukan masyarakat.

Jika sebelum kerajaan berjaya membebaskan majoriti rakyat Malaysia daripada belunggu kemiskinan, kini tugas baru ialah membebaskan

masyarakat
daripada gejala penagihan dadah.

Tiada gunanya jika kita berbangga dengan generasi baru yang berpendidikan tinggi tetapi pada masa sama dibebankan dengan kehadiran beribu penagih setiap tahun.

Melalui satu gerak kerja bersepadu dan menyeluruh, kerajaan mampu membasmi gejala dadah yang menyumbang kepada keruntuhan sosial di kalangan masyarakat. Semua pihak diharapkan dapat menggerakkan satu usaha yang gigih dalam tempoh segera bagi memastikan kecemerlangan bangsa tidak dihancurkan oleh musuh nombor satu dunia - dadah.

AZLINDA MOHD RASHAD,
Ketua Puteri Umno
Wilayah Persekutuan.